

27/03/2002

Kemenangan Norjuma sudah dijangka

Halina Mohd Noor

NORJUMA ditemani tiga adiknya pada hari kemenangannya. Beliau juga mencapai impian untuk menjadi pengacara berwibawa di depan ayahnya, Habib Mohamed.

"Jika diberi peluang saya ingin mengacarakan rancangan berbentuk majalah seperti Nona yang dapat menyampaikan maklumat kepada penonton terutama wanita," katanya.

Hujung minggu lalu memanglah hari paling istimewa bagi Norjuma Habib Mohamed yang terpilih sebagai pemenang Pengacara Jemputan Nona (PJN) musim kelima di Pusat Persidangan Sunway Pyramid, Bandar Sunway, Petaling Jaya.

Tempat kedua dimenangi Nollyzai Awang Sham dan Angie Ng Paik Kheng, ketiga. PJN turut memperkenalkan kategori Nona Fotogenik yang dimenangi oleh Aishahtuliza Abu Bakar dari Johor Bahru.

Sememangnya kemenangan Norjuma pelajar jurusan Pentadbiran Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini sudah dijangkakan dari awal. Kepetahannya menjawab soalan juri dengan lancar dan bernas adalah antara ciri utama untuk menjadi pengacara.

Konsep PJN musim ini berbeza daripada sebelumnya apabila kepintaran peserta diuji dengan menjawab soalan juri dan kebolehan mengajukan soalan secara spontan. Bakat peserta juga diuji melalui penyampaian sajak dan nyanyian secara langsung.

Norjuma mengakui beliau banyak membaca dan gemar menyelidik.

"Syukur kerana akhirnya saya mampu melalui semuanya dengan baik walaupun sedikit gementar sewaktu berada di pentas," katanya yang ditemui sejeurus selepas diumumkan sebagai johan. Walaupun kepenatan terbayang pada wajah, beliau masih mampu melemparkan senyuman dan menjawab soalan wartawan.

Gadis Pulau Pinang yang baru berusia 21 tahun ini berjaya meraih hadiah bernilai lebih RM53,000 berbentuk set berlian, set kristal, pakej percutian 5 hari 4 malam ke Perth, Australia, set kosmetik, sepasang kain, barangan hiasan rumah dan wang tunai bernilai RM3,000. Hadiah disampaikan oleh Datin Seri Zaharah Kechik.

Nollyzai yang memenangi tempat kedua tidak kurang hebatnya. Kepetahan serta sikap bersahaja ketika di pentas memberikan kelebihan kepadanya berbanding peserta lain. Nollyzai membawa pulang hadiah bernilai RM40,000 berbentuk set berlian, hiasan rumah, set kristal, pakej percutian Star Cruise ke Phuket selama 5 hari 4 malam, sepasang kain, set barangan kosmetik dan wang tunai RM2,000.

Kemenangannya turut diraikan oleh suami, Mahathir Tahir, ibunya, Zainab Yunus yang banyak memberikan galakan dan adiknya, Shah Farid Awang Shah.

"Saya hanya mahu melihat dia bahagia dengan apa yang dilakukannya. Pesan saya cuma satu, jangan terlalu mengharap kemenangan kerana ia boleh menyebabkan tekanan ketika berada di pentas. Alhamdulillah, tuah anak dalam kandungan membawa rezeki," katanya gembira kerana bakal bergelar ayah tidak lama lagi.

Nollyzai yang bersyukur dengan galakan suami serta ibunya bercita-cita menjadi pengacara rancangan berbentuk informasi.

"Rasanya seperti tidak sabar untuk mengacarakan rancangan sendiri tambahan pula setiap peserta diberi peluang selama enam bulan untuk mengacarakan sebarang rancangan sesuai," kata bakal ibu yang gemar memasak ini. Nollyzai juga memiliki bakat sebagai penyanyi.

Selain suami, anak sulung daripada lima beradik ini mendapat sokongan dan galakan daripada ibunya yang menyedari bakatnya.

"Saya tahu Nolly memang minat untuk menjadi pengacara kerana itulah apabila terlihat iklan mengenai PJN, saya terus nasihatkan dia mencuba nasib," jelas ibunya yang sama meraikan kemenangan anaknya.

(END)